

Kandungan

Pakej PPM ke IFLA Kuala Lumpur Tuan Rumah IFLA 2009?	1
Aktiviti PPM	
Bengkel Pendigitalan Dokumen 2004	2
Laporan Program Latihan PPM/Monash University Library	3
ILS Technical visit to US	4
Bengkel Kemahiran Maklumat	4
Berita Semasa	
Peserta Pakej PPM ke IFLA Kemalangan Portal Raja Kita	5
Maklumat Penaja	
Elsevier (Singapore) Pte. Ltd.	6
Persidangan / Seminar	
Pakej PPM ke ICADL 2004, Shanghai Asian Library & Information Conference Sidang Kemuncak Pembacaan dan Bercerita Kebangsaan	7
Aktiviti PPM	
Senarai Ahli Baru PPM Ogos PPM Council Members 2003/2005	8

Ketua Pengarang

Maimunah Kadir

Sidang Pengarang

Azmah Ishak

Azlan Mohamad Hamzah

Hazmir Hj Zainal

Norbaizura Hj Malek

Grafik/Layout

Rusiah Husin

**Sidang Pengarang Berita
PPM Mengucapkan
Selamat Berpuasa &
Menyambut Ramadhan Al-
Mubarak
kepada semua Ahli PPM
yang beragama Islam**

Pakej PPM ke IFLA BUENOS AIRES, ARGENTINA

Oleh : Hasbullah Atan

RPM untuk kali ke-4 telah berjaya menganjurkan pakej ke Persidangan IFLA ke-70 yang telah berlangsung di Hotel Hilton, Buenos Aires, Argentina. Setakat ini, inilah perjalanan PPM terjauh yang telah melibatkan penerbangan selama 22 jam, tanpa mengambil kira waktu persinggahan. Rombongan 23 orang peserta ini telah diketuai oleh YBhg Dato Zawiyah Baba, Yang Dipertua PPM. Turut menyertai pakej ini adalah Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, YB Datuk Dr Toh Kin Woon.

Ketibaan rombongan PPM ini telah disambut oleh Pegawai-pegawai Kanan Perpustakaan Negara itu. Selain itu Library and Information Association of South Africa (LIASA) juga turut serta. Satu telekonferens juga telah diadakan di antara dewan resepsi dengan National Library of South Africa, Pretoria. Taklimat oleh Presiden LIASA mengenai aktiviti-aktiviti mereka juga telah diadakan. Apa yang dapat kami katakan ialah sambutan yang diterima oleh peserta pakej di Afrika Selatan adalah begitu meriah sekali.



*Rombongan PPM bergambar
di Cape of Good Hope, South Africa.*



Gaucho Festival, Buenos Aires

IFLA ke-70 ini telah berlangsung dari 22 hingga 27 Ogos 2004. Walau bagaimanapun PPM telah mengambil kesempatan untuk memaksimumkan perjalanan dengan berhenti di Afrika Selatan untuk tujuan lawatan sambil belajar. Bertolak pada 15 Ogos 2004, rombongan telah berhenti di Cape Town, Afrika Selatan. Peserta telah dibawa melawat ke Perpustakaan University of Cape Town, universiti tertua di negara itu. Selain itu, peserta juga telah melawat National Library of South Africa, Cape Town Campus.

Memandangkan inilah lawatan pertama bagi kesemua peserta, pakej ini telah memasukkan beberapa lawatan sosial. Melawat Table Mountain, Pulau Singa Laut, kehidupan penguin liar adalah di antara beberapa perkara yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh peserta. Secara peribadi penulis merasakan lawatan ke Cape Point, di mana ia adalah titik pertemuan di antara Lautan Hindi dan Lautan Atlantik adalah yang paling menarik. Pertemuan dua lautan itu dapat

lihat muka 2

Kuala Lumpur Tuan Rumah IFLA 2009?

Menjadi tuan rumah kepada persidangan berprestij IFLA merupakan idaman mutlak bagi setiap persatuan perpustakaan / pustakawan di seluruh dunia. Hanya kemampuan saja yang menjadi penghalang. Keupayaan mengendalikan persidangan ini akan membuktikan kredibiliti persatuan itu sendiri dan sejauh mana persatuan itu mendapat sokongan dari pihak kerajaan negara berkenaan dan kekuatan persatuan itu dari

segi keahlian.

Sesungguhnya, inilah yang menjadi impian PPM. Satu saat di mana Kuala Lumpur akan menjadi destinasi penting bagi mereka yang terlibat di bidang kepustakawanan di seluruh dunia.

Sejarah telah menunjukkan perkembangan bidang perpustakaan dan kepustakawanan di sesebuah negara itu menjadi pesat setelah ianya menganjurkan

lihat muka 5

Berita PPM keluaran Julai/Ogos ini ditaja oleh Elsevier (Singapore) Pte.Ltd.

Dari muka 1



**Dato'Zawiyah Baba & En Hasbullah
semasa Majlis Perasmian IFLA di Colon
Theatre, Buenos Aires.**



**Melawat Ostrich Farm,
Cape Town**



**Menaiki bot melawat Delta Tigre
Buenos Aires**

dilihat dengan garisan air yang panjang yang nampak seolah-olah seperti tidak mahu bersatu. Melihat dua ekor *antelop* sedang bersantai dan dua ekor burung *ostrich* liar yang seolah-olah tidak memperdulikan kehadiran kami adalah suatu yang agak luar biasa. Cape of Good Hope adalah suatu lokasi yang tidak pernah terfikir akan dapat kami lawati suatu hari nanti. Sebagai penyeri, kami juga telah melawat kilang gemstones dan pusat berlian. Kilang gemstones merupakan tempat yang paling sukar untuk ditinggalkan. Penulis terpaksa "literally" menarik peserta naik ke bas. Khabarnya ada seorang peserta yang membeli sebentuk cincin berlian "solitaire" bernilai hampir RM20,000 semasa di pusat berlian. Jeling-jelinglah untuk mencari jari manis yang berkelip itu jika anda menghadiri acara PPM selepas ini.

Buenos Aires, Argentina

Pada 18 Ogos 2004, rombongan telah berlepas ke Buenos Aires. Inilah lawatan pertama kali bagi semua peserta ke Buenos Aires. Apa yang pasti, Cape Town dan Buenos Aires semasa itu sedang mengalami musim sejuk dimana cuaca adalah 5 hingga 13 celsius. Terlalu sejuk untuk sebahagian besar dari peserta.

Beberapa acara sampingan telah diaturkan untuk semua peserta. Pakej ini telah sengaja mengatur lawatan supaya semua acara sampingan dibuat sebelum berlangsungnya persidangan. Ini adalah untuk memastikan supaya tumpuan dapat diberikan terhadap persidangan apabila persidangan bermula kelak.

Makanan halal

Restoran halal tidak terdapat langsung di Buenos Aires. Pada hari pertama dan kedua di mana semua makanan disediakan oleh agen tempatan telah dihidangkan dengan ikan sahaja. Ikan, apabila disediakan cara barat sememangnya amat menyelerakan, tetapi apabila anda terpaksa memakan ikan untuk beberapa hari, ia amat menyeksakan!

Peserta telah dibawa untuk melawat di sekitar Buenos Aires,

tempat-tempat bersejarah dan menarik. Sehari di Goucho Festival, setengah hari menaiki feri melawat Delta Tigre adalah di antara beberapa kenangan manis. Beberapa peserta telah berkesempatan menaiki feri ke Uruguay dan Iguazu Falls di Brazil. Sememangnya para pustakawan merupakan "species" yang begitu "adventurous" jika mendapat peluang.

Kedudukan hotel yang disediakan oleh ejen tempatan begitu strategik, iaitu berhampiran Florida Street, pusat membeli-belah terbesar di Buenos Aires. Barangan kulit begitu murah, jaket kulit, kasut dan beg tangan berkualiti. Hampir semua peserta membeli jaket kulit di Buenos Aires, cuaca sejuk sebagai alasan!. Jika anda terjumpa dengan seseorang yang memakai jaket kulit labuh semasa hari hujan di pasar atau pasar malam di sekitar Gombak/Taman Ibu Kota, besar kemungkinan beliau adalah bekas peserta pakej ini. Walaupun persidangan bermula pada 22 Ogos, tetapi mesyuarat telah bermula pada 21 Ogos lagi. Acara pembukaan telah diadakan di Colon Theatre. Colon Theatre merupakan teater kedua yang tercantik di dunia. Teater ini boleh memuatkan lebih 3000 orang.

Semasa persidangan bermula, peserta sibuk dengan acara masing-masing. Jarang sekali dapat bertemu kecuali waktu minum pagi di hotel. Beberapa aturcara penting telah diadakan oleh pihak penganjur IFLA. Ini termasuklah Conference Dinner dan Cultural Evening. Penganjur pakej telah juga menganjurkan beberapa aturcara sendiri seperti menyaksikan tarian tango dan lawatan ke kilang barangan kulit.

Yang Terutama Duta Malaysia di Argentina pula telah menjemput para peserta pakej ke jamuan makan malam di kediaman beliau. Terubat juga kerinduan makanan Malaysia apabila Pak Duta menghidangkan nasi dan lauk-pauk Melayu.

Peserta telah bertolak pulang ke tanahair pada 29 Ogos 2004 dan sampai di Kuala Lumpur pada awal pagi 31 Ogos

Bengkel Pendigitalan Dokumen 2004

Pada 3-4 Ogos 2004, PPM dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Galaxy Automation Sdn. Bhd. telah mengadakan Bengkel Pendigitalan Dokumen 2004 bertempat di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM. Seramai 47 peserta telah mengikuti bengkel tersebut yang terdiri dari pustakawan dan pegawai perpustakaan seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang perancangan dan pelaksanaan projek pendigitalan bagi sesebuah perpustakaan. Beberapa topik menarik telah dipersembahkan iaitu berkaitan Sistem Pengurusan Dokumen, Perpustakaan Digital dan 'Knowledge Management', Pelaksanaan E-buku dan E-majalah dalam Perpustakaan Digital, dan Pengimbasan untuk keperluan Perpustakaan dan Arkib. Rata-rata peserta berpuas hati dengan bengkel yang diadakan selama dua hari tersebut dan berharap PPM akan mengadakan bengkel seumpama ini pada masa akan datang.

Laporan Program Latihan

PPM/Monash University Library : Staff Development and Training Program 2004

Tujuan/objektif

1. Untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai aktiviti dan operasi perkhidmatan di perpustakaan berteknologi tinggi yang mempunyai misi antarabangsa.
2. Untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai isu-isu berkaitan dengan penyediaan maklumat elektronik kepada pengguna dan lokasi yang berbeza.
3. Untuk membina budaya perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti.

Pentadbiran dan Pengendalian Program

Program ini telah dibahagikan kepada dua modul iaitu :

Modul 1 : Overview of Policies and Operations

Modul 2 : In-depth Briefing/Practical Experience

Di dalam modul 1, program yang dilaksanakan adalah dalam bentuk ceramah/penerangan, seminar, bengkel, dan lawatan manakala di dalam modul 2, peserta didedahkan dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang bidang perkara yang dibincangkan di mana selain menghadiri ceramah, peserta juga telah diberikan kesempatan untuk menjalani latihan serta pemerhatian melalui "attachment" di bahagian/perpustakaan yang di pilih.

Kandungan Kursus/Tajuk-Tajuk yang dibincangkan

Modul 1

Ceramah/Penerangan

Peserta telah diberikan ceramah/penerangan mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan fungsi tugas, perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di perpustakaan di dalam menyediakan perkhidmatan yang berkesan kepada pengguna. Ini termasuklah kesan atau impak penggunaan IT di dalam mewujudkan satu senario perkhidmatan yang lebih maju berbanding dengan kaedah tradisional yang digunakan sebelum ini. Ceramah/penerangan berkenaan telah dikendalikan oleh kakitangan yang berpengalaman di Perpustakaan Universiti Monash.

Seminar

Seminar satu hari ini telah dijalankan dengan kerjasama di antara Monash University Library dan Monash University School of Information Management and Systems. Tema seminar berkenaan ialah "Transforming librarians in the digital era : research and practice in library and information management". Sebanyak 10 buah kertas kerja telah dibentangkan di dalam seminar ini.

Bengkel Kualiti (Quality Workshop)

Bengkel kualiti yang dikendalikan oleh dua orang fasilitator ini telah dijalankan selama dua hari. Di dalam bengkel yang dibahagikan kepada 5 sesi ini, peserta telah didedahkan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti di



*Peserta program PPM/Monash University Library
Dengan Pustakawan Monash Library*

dalam menyediakan perkhidmatan kepada pengguna. Peserta telah dibahagikan kepada kumpulan kecil dan membincangkan serta membentang topik yang diberikan.

Lawatan

Beberapa siri lawatan ke perpustakaan-perpustakaan telah diadakan iaitu :

Hargrave-Andrew Library

Law Library

Caulfield Library

State Library of Victoria

University of Melbourne Library

Peninsula Library

Di dalam lawatan berkenaan, peserta telah diberikan penerangan/taklimat mengenai aspek-aspek yang berkaitan seperti perkhidmatan, koleksi, kemudahan, IT dan sebagainya yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan berkenaan.

Modul 2

Latihan Dan Pemerhatian Secara Mendalam

Di dalam modul ini selain daripada menghadiri ceramah, para peserta telah berpeluang untuk menjalani latihan dan pemerhatian di bahagian-bahagian yang terdapat di perpustakaan Universiti Monash termasuk perpustakaan campus Caulfield dan Monash Medical Centre. Pendekatan yang dilaksanakan ini telah memberi pengalaman baru kepada para peserta di mana peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh perpustakaan Universiti Monash dengan cara yang lebih terperinci.

Ulasan Dari Segi Tajuk/kandungan Kursus

Tajuk/kandungan kursus amat bertepatan dengan bidang tugas yang dilaksanakan. Kandungannya meliputi perkara-perkara utama yang menjadi tunggak perkhidmatan perpustakaan terutama yang melibatkan penggunaan teknologi terkini dan maklumat elektronik yang merupakan satu elemen penting di dalam memenuhi keperluan maklumat pengguna dengan secara tepat, cepat dan berwibawa.

lihat muka 8

ILS Technical Visit to US 10-21 May 2004 by Siti Sumaizan Ramli

ILS technical visit has been organized to 3 established academic institutions in the United States namely :

1. University of Nevada in Las Vegas
2. San Jose State University, San Jose
3. Mills College, Oakland

These institutions have successful implementations of Millennium library system and 3M materials flow management system in their libraries. We also visited Innovative Interfaces office in Emeryville led by Ms Leslie Straus of Innovative.

The main objectives of this visit are :

- 1 To view, discuss and experience the operations of Millennium system at the libraries
- 2 To meet up with the key Innovative Interfaces executives and the team involved in the implementation of the Unimas project.
- 3 To discuss on the implementation issues of Millennium and attended the Product Management presentations.

The trip was very successful. We achieved all the objectives. Tours and discussions on Millennium and related issues especially on the technical aspects were held at each institutions.

Gambar-gambar sekitar lawatan



We visited the following institutions :

University of Nevada (Lied Library) - 12 May 2004

San Jose State University (Dr Martin Luther King, Jr. Library) - 14 May 2004

Mills College (F.W. Olin Library) - 17 May 2004

Innovative Interfaces Inc., Emeryville CA - 18 May 2004

Unimas team in the visit :

Siti Sumaizan Ramli - Librarian, CAIS

Harun Maksom - Systems Analyst, CICTS

Latifah Loh Abdullah - Systems Analyst, CICTS

Bengkel Kemahiran Maklumat 2004

Sebagai salah satu aktiviti Bulan Membaca Kebangsaan 2004, PPM dengan kerjasama UKM dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) telah menganjurkan Bengkel Kemahiran Maklumat dari 28 – 30 Julai 2004. PPAPP Seberang Jaya telah dipilih untuk menjadi tuan rumah oleh kerana terdapat kemudahan makmal internet yang boleh memuatkan lebih kurang 40 orang peserta. Bengkel di Pulau Pinang ini juga merupakan siri ketiga selepas negeri Perlis pada tahun 2002 dan negeri Terengganu pada tahun 2003. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman merangkap YDP 1 PPM.

Seramai 37 orang peserta telah mendaftar bagi kursus tersebut. Antara institusi yang telah menghantar peserta adalah Jabatan Kastam, Sekolah, USM, PPAPP, UiTM, Jabatan Perhutanan Negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Pameran Pangkalan data yang



Peserta Bengkel Kemahiran Maklumat 2004

dilanggan oleh PPAPP melalui *Mylib* turut diadakan. Pembekal yang turut mengambil bahagian adalah BERNAMA, CLJ, EBSCO dan Thomson Learning. BERNAMA telah menyediakan soalan kuiz untuk peserta-peserta. Hadiah-hadiah menarik juga telah disediakan bagi peserta yang berjaya menjawab soalan kuiz tersebut. Acara pertandingan pembinaan laman web juga telah diadakan dan hadiah juga telah disediakan kepada pemenang pertama, kedua dan ketiga. Acara-acara tersebut menjadikan kursus tersebut lebih menarik.

Acara penutup dan majlis penyampaian sijil kepada peserta kursus dan fasilitator telah dilakukan oleh Naib Pengerusi Lembaga PPAPP iaitu Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Hadi Munir.

Dari borang penilaian kursus ramai di antara peserta merasakan kursus ini sangat berfaedah dan harus diteruskan. Malahan peserta dari pihak Jabatan Kastam ingin menjemput fasilitator mengadakan kursus sebegini bagi pihak mereka di Pulau Pinang. Terima Kasih diucapkan kepada fasilitator-fasilitator dari UKM dan terima kasih tidak terhingga kepada PPAPP yang telah sudi menjadi tuan rumah dan telah memberi kerjasama yang baik bagi menjayakan bengkel tersebut. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pembekal-pembekal pangkalan data yang turut serta dan akhir sekali SYABAS PPM kerana telah berjaya menganjurkan kursus ini. Ini adalah salah satu lagi sumbangan PPM kepada komuniti setempat di dalam usahanya melahirkan masyarakat yang celik maklumat.

dari muka 1

IFLA. IFLA menjadi pemangkin kepada perkembangan mendadak bidang ini seterusnya. Ini telah dibuktikan di Filipina, dimana setelah berjaya mengadakan IFLA pada tahun 1980, Pustakawan telah diterima sebagai satu bidang "Professional" oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Filipina. Library Association of Thailand menjadi lebih bertenaga yang berpengaruh setelah menjadi tuan rumah IFLA 1999. Ini terbukti dengan tertubuhnya berbagai jenis perpustakaan di negara itu selepas itu. Bayangkan dalam tahun 1999, Thailand pada masa itu dalam kancas krisis kewangan Asia, tetapi berjaya mengendalikan IFLA dengan jayanya. Beijing pula telah menjadi tuan rumah IFLA pada tahun 1996 dan Korea pula dengan bangganya sedang rancak membuat persiapan untuk menjadi tuan rumah pada tahun 2006.

Tetapi di manakah Kuala Lumpur dalam soal ini? Soalan ini pernah diajukan kepada bekas Presiden PPM, Ybhg Datin Mariam Kadir di salah satu AGM PPM kira-kira sepuluh tahun dahulu. Datin Mariam telah menyatakan yang Kuala Lumpur masih belum bersedia lagi untuk mengendalikan IFLA. Bersedia dari segi kewangan dan sokongan. Tenaga kerja masih belum mencukupi untuk mengendalikan persidangan sebesar itu. Tetapi itu sepuluh tahun dulu, adakah sepuluh tahun kemudian kita masih belum bersedia lagi? Adakah itu bermakna

untuk sekian lama tiada perkembangan pesat dalam bidang ini di Malaysia? Kita masih lagi berada di takuk lama, seiring dengan negara-negara ASEAN yang lain? Hanya kita sendiri yang tahu jawabannya.

Kembali kepada persoalan utama, pihak PPM sedang berusaha untuk membawa IFLA 2009 ke Kuala Lumpur. Sebenarnya ini adalah percubaan kedua. Percubaan pertama dibuat dua tahun yang lalu untuk membawa IFLA 2008 di Kuala Lumpur. Tetapi kita telah tewas kepada Kanada. Alasan yang diberikan adalah IFLA 2006 akan diadakan di Seoul. Adalah lebih baik jika IFLA diadakan di luar Asia untuk beberapa tahun sebelum dibawa kembali ke benua Asia.

PPM akan membuat bida sekali lagi pada tahun ini untuk membawa IFLA 2009 ke Kuala Lumpur. PPM berharap dan percaya dengan berjayanya usaha ini, bidang kepustakawanan dan perkembangan perpustakaan di Malaysia akan menjadi lebih pesat dan lebih dihormati di kacamata umum selepas itu.

Kuala Lumpur mungkin akan mendapat saingan hebat dari Singapura dalam hal ini, jika mereka berhasrat untuk membuat bida serupa. Tapi percayalah, Kuala Lumpur juga mempunyai peluang yang sama untuk terpilih. Dalam hal ini kita tidak boleh merasa rendah diri. Yang pentingnya kita hendaklah memberikan yang terbaik

Peserta Pakej PPM Ke IFLA Kemalangan

Cik Norsham Muslim, bekas Ketua Pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menyertai pakej IFLA telah terpelecek dan mengalami kecederaan di kaki kanan. Kemalangan yang pada mulanya disangka kecil itu menjadi serius apabila kaki beliau telah disimen seberat kira-kira 10 kilogram.

Kemalangan berlaku di luar Gemstones Factory, Cape Town iaitu hari kedua pakej ini. Ia hanya berpunca dari jalan yang tidak rata. Kaki beliau menjadi bengkak serta-merta. Petangnya apabila dibawa ke pusat rawatan dan di x-ray, didapati satu keretakan telah dikenal-pasti dan perlu disimen.

Kecederaan itu telah membuatkan beliau tidak dapat menyertai lawatan-lawatan ke perpustakaan. Walau bagaimanapun penulis begitu kagum dengan semangat kental beliau. Dengan kaki yang bersimen 10 kilogram itu, kerusi roda dan tongkat, beliau mampu tersenyum seperti biasa. Malah dapat menaiki feri ke Uruguay.

Dengan kaki yang disimen beliau juga sempat membeli-belah di Florida Street dengan bantuan rakan-rakan terutama Cik Shahr Banun dan Encik Hasbullah selaku penyelaras pakej telah banyak membantu beliau. Khabarnya sempat juga membeli sepasang but baru. Impian beliau untuk melawat pusara Eva Peron juga tercapai apabila pada hari terakhir sebelum pulang ke Kuala Lumpur, beliau telah berkesempatan untuk melawatinya.

Mujurlah pihak penganjur telah membeli insuran perjalanan. Semua perbelanjaan perubatan untuk Cik Norsham akan dibayar oleh pihak insuran.

Kepada Cik Norsham, semoga cepat sembuh dan dapat mencuba but barunya itu nanti!.

Portal Raja Kita (www.rajakita.org.my)

Portal Raja Kita telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 15 Jun 2004 bertempat di Dewan Mahkota II Hotel Istana, Kuala Lumpur.



Pengenalan

Portal *Raja Kita* dibangunkan oleh PNM bagi memenuhi keperluan maklumat umum berkaitan institusi Yang di-Pertuan Agong. Pembangunan portal ini bertujuan untuk menyediakan maklumat sahih dan komprehensif supaya rakyat memahami kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pembangunan portal ini telah dipantau dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pemandu yang terdiri dari wakil-wakil:

- Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
- Jabatan Muzium dan Antikuiti
- Perpustakaan Foto, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia
- Unit Khidmat Nasihat dan Protokol, Jabatan Perdana Menteri
- Pejabat Perhubungan Akhbar Istana Negara
- Perpustakaan Negara Malaysia

Maklumat yang ada dalam portal ini :

Sistem Monarki Malaysia • Kuasa Diraja • Seri Paduka-Seri Paduka Baginda • Alat Kebesaran Diraja • Adat Istiadat Diraja Istana Negara • Darjah Kebesaran Persekutuan dan Istana Negara



Never underestimate the importance of a librarian.

Okay, chances are you won't actually find a librarian in outer space. But librarians do play a vital role on any exploration team, enabling research breakthroughs and real-time solutions. Whether you're choosing information for research communities or decision support for professionals, Elsevier offers access to a world of information anytime, anywhere. Select from a wide range of scientific, technical and health resources available in multiple media, including innovative electronic products like ScienceDirect® and MD Consult. After all, getting the right information into the right hands is critical to the success of any mission. Building Insights. Breaking Boundaries.™



elsevier.com

All enquiries are welcome. Email us at asiainfo@elsevier.com

Pakej PPM untuk Menghadiri 7th International Conference on Asian Digital Conference di Shanghai 11-18 Disember, 2004.

Pengenalan

PPM bercadang untuk menganjurkan pakej untuk mereka yang berminat menghadiri 7th ICADL di Shanghai daripada 11 hingga 18 Disember 2004. Pakej ini ditawarkan kepada semua ahli PPM termasuk kepada bukan ahli.

Aturcara Pakej

Penganjur bercadang untuk memastikan pakej ini akan memaksimumkan lawatan. Beberapa aturcara lawatan sosial akan diselitkan untuk keselesaan peserta. Untuk tujuan itu pakej ini akan bermula dengan lawatan sosial selama dua hari sebelum persidangan bermula. Ini untuk memastikan yang peserta akan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap persidangan apabila ia bermula kelak. Tarikh sebenar persidangan adalah dari 13 hingga 18 Disember 2004

Antara aturcara menarik dalam pakej ini ialah :

1. Melawat Shanghai Bund, Yee Yuan dan Chen Huang

District

2. Makan Malam di Halal Restaurant dengan

Persembahan Acrobatic

3. "Shopping" (Xiangyang Road Market, Nanjing Road, Chenghuangmiao Old Town)

Harga Pakej PPM ke 7th ICADL adalah seperti jadual di bawah:

Kelas Ekonomi		Kelas Perniagaan	
Ahli PPM		Ahli PPM	
Twin	Single	Twin	Single
RM2530.00	RM3180.00	RM6250.00	RM6900.00
Bukan Ahli PPM		Bukan Ahli PPM	
Twin	Single	Twin	Single
RM2630.00	RM3280.00	RM6350.00	RM7000.00

PENGINAPAN:

Shanghai City - Huxia Hotel / similar (3*)

PAKEJ TERMASUK:

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi (MAS)
- Bilik "twin-sharing"
- Pemindahan (lapangan terbang/hotel) dan lawatan yang tersenarai
- Pemandu Pelancong
- Tip untuk pemandu koc dan pemandu pelancong
- Semua cukai lapangan terbang
- Insuran Perjalanan
- Visa Negeri China

Sesiapa berminat sila hubungi :

En Hasbullah Atan

Persatuan Pustakawan Malaysia

P.O Box 12545, 50782 Kuala Lumpur.

Tel/Fax : (603)-26947390 (Attn: Cik Noreen Mohamad)

Email: ppm55@po.jaring.my / hasbullah@imu.edu.my

**Asian Library &
Information Conference**
Libraries - Gateways to Information
and Knowledge in the Digital Age



November 21-24, 2004

Dusit Thani Hotel Bangkok

Co-organized by

**Thai Library Association
Asia Library News, InfoMedia Asia Ltd.**

Supported, IFLA
UNESCO, IFLA

Online registration/information

www.alic2004.org

Asian Library and information Conference (ALIC2004)

Asia Library News, InfoMedia Asia Limited

GPO Box 701, Bangkok 10501, Thailand

Tel : 66-2-7220549 Email : info@alic2004.org

supported by



co-organized by



1 - 2 Julai 2004

**Sidang Kemuncak Pembacaan dan Kongres
Bercerita Kebangsaan Sempena
BULAN JULAI**

BULAN MEMBACA KEBANGSAAN 2004



Perasmian Sidang Kemuncak Pembacaan dan Kongres Bercerita Kebangsaan telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan pada 1 Julai 2004.



Kongres ini telah membincangkan tentang Pembacaan yang merupakan asas untuk melahirkan masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan.

Pengetahuan/Pemahaman/Pengalaman yang diperolehi

Banyak perkara baru telah dipelajari hasil dari ceramah/penerangan yang telah diberikan. Sebahagiannya boleh disesuaikan dan diaplikasikan di perpustakaan di mana peserta bekerja. Contohnya “link checking”, “telephone help”, “email help” and “Online help”. Peserta juga memperoleh pengetahuan dan pengalaman hasil dari pertanyaan dan perbincangan dengan fasilitator.

Seminar yang diadakan telah memberi satu dimensi baru di dalam penyediaan perkhidmatan kepada pengguna di mana tugas dan tanggungjawab pustakawan menjadi lebih mencabar di dalam era digital. Pustakawan harus lebih peka dan melengkapkan diri dengan teknologi terkini supaya perkhidmatan yang diberikan dapat diselarikan dengan perkembangan teknologi maklumat pada masa ini.



Peserta Kursus bergambar dihadapan State Library of Victoria

PPM Council Members 2003/2005

President

Dato' Zawiyah Baba

Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Vice President II

Siti Zakiah Aman

Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

Honorary Assistant Secretary

A Azli Abd Rahim

Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

Honorary Assistant Treasurer

Rajeswary K. Ramalingam

Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad

Maimunah Kadir

Hasbullah Atan

Norma Mohd Darus

Shaifol Yazam Mat

Bengkel kualiti yang dihadiri menekankan tentang kepentingan kualiti di dalam perkhidmatan yang disediakan untuk para pelanggan. Ini termasuklah mewujudkan strategi untuk mencapai dan mengekalkan budaya perkhidmatan yang berkualiti.

Lawatan ke perpustakaan-perpustakaan yang terpilih telah memberikan pengalaman dan pengetahuan yang amat berguna kepada para peserta kerana hasil daripada penerangan, pemerhatian dan perbincangan yang diadakan, peserta dapat membuat perbandingan dan penilaian terhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab perpustakaan di antara perpustakaan-perpustakaan di Malaysia dan juga di Australia.

Kesesuaian Kursus dengan bidang tugas

Secara keseluruhannya, kursus yang diikuti adalah bersesuaian dengan bidang tugas yang dilaksanakan. Ini adalah kerana topik-topik/kandungan kursus yang dibincangkan meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan fungsi dan tanggungjawab perpustakaan serta pustakawan di dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.

Cadangan selepas mengikuti kursus ini

Peserta mencadangkan supaya lebih ramai kakitangan diberi peluang untuk mengikuti kursus seperti ini kerana banyak perkara baru yang boleh dipelajari, disesuaikan dan diaplikasikan di perpustakaan sendiri terutama dari segi penyediaan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Kursus seperti ini membuka peluang kepada kakitangan untuk mempertingkatkan kualiti diri, memantapkan keupayaan dan menambahkan ilmu pengetahuan dalam mewujudkan perkhidmatan yang selari dengan teknologi sezaman.

Kesimpulan secara keseluruhan

Kursus ini telah memberi kesan yang positif kepada peserta di dalam mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan, keupayaan dan keyakinan. Melalui ceramah, seminar, bengkel dan lawatan yang diadakan, peserta telah dapat menimba pengetahuan dan pengalaman yang dapat membantu memberi sumbangan kepada perpustakaan di dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggan.

Senarai Ahli Baru PPM Sehingga Ogos 2004

Ahli Profesional

Mohd Hafies B. Hasamuddin PNM

Nor Azan B. Ibrahim USM

Ahli Institusi

SMK. Bdr. Tasik Selatan

Globe Enterprise

Sumbangan Berita

Berita PPM akan sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:

Puan Maimunah Kadir

d/a Perpustakaan HUKM

Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar

Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak

56000 Cheras

Tel: 03-91702288

E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my